

15 MAY 1997

Razaleigh-sekat

ADA KEMUNGKINAN BAHAGIAN UMNO SEKAT KEMASUKAN AHLI S46, KATA RAZALEIGH

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Bekas Presiden Parti Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah hari ini berkata terdapat kemungkinan Ketua Bahagian Umno melengah-lengah dan menyekat kemasukan bekas anggota S46 ke dalam UMNO.

Beliau berkata perkara itu boleh berlaku kerana ada kemungkinan kepimpinan Umno di peringkat bawah bimbang kedudukan mereka akan terjejas dengan kemasukan bekas anggota S46 itu.

"Masalahnya di peringkat bawah dia orang tidak berapa yakin dengan kedudukan mereka. Takut-takut kalau dengan kemasukan bekas anggota S46 beramai-ramai kedudukan mereka akan terjejas," katanya ketika diminta mengulas mengenai penolakan permohonan ribuan bekas anggota S46 ke dalam Umno.

Tengku Razaleigh, selaku penaung Kelab Badminton Nusa Mahsuri Selangor dan Kuala Lumpur, berkata demikian selepas menerima perlembagaan kelab itu di kediamannya di sini.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik minggu lepas berkata setakat ini 65,357 daripada 197,528 permohonan daripada bekas anggota S46 untuk menyertai Umno, ditolak kerana tidak lengkap.

Tengku Razaleigh berkata pemimpin Umno peringkat bahagian tidak perlu bimbang kerana beliau telah menasihatkan bekas anggota S46 agar tidak merebut sebarang jawatan dalam parti.

Mengenai penolakan permohonan yang dikatakan kerana tidak lengkap, Tengku Razaleigh berkata beliau difahamkan borang permohonan dirujuk kepada bekas pemimpin S46 supaya disemak segala butiran dan melengkapkannya.

Katanya beliau percaya pada akhirnya semua bekas anggota S46 akan diterima masuk ke dalam Umno.

"Itulah sebabnya kita bubar parti kita berdasarkan persetujuan yang dicapai antara Dr Mahathir Mohamad dengan saya, bahawa semua (bekas anggota S46) akan diterima. Tak ada satu pun yang akan ditolak," katanya.

Beliau mengulangi hanya Majlis Tertinggi Umno mempunyai kuasa untuk menolak permohonan manakala cawangan atau bahagian tidak boleh berbuat demikian. -- BERNAMA

RV MAI